

20/1/89
VNS : 14

TDC terima 12 aduan sepanjang tahun lalu

Jangan tipu pelancong

JOHOR BAHRU, Khamis — Masyarakat tempatan diminta tidak mengambil kesempatan terhadap pelancong yang tinggal bersama mereka kerana ini boleh menjasaskan imej penduduk negara ini.

Pegawai Kanan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) Malaysia Wilayah Selatan, Puan Sharifah Loon Syed Daniel, berkata tindakan sedemikian boleh menghilangkan perasaan hormat pelancong asing terhadap penduduk negara ini yang terkenal berbudi bahasa.

Beliau berkata demikian kerana sepanjang tahun lalu, pihaknya menerima 12 aduan daripada pelancong luar negara dan tempatan, yang antaranya membabitkan beberapa kes 'luar biasa' dan sukar diselesaikan.

"Antaranya ialah kes seorang pelancong Jepun ditipu oleh keluarga angkatnya di sini apabila enggan membayar balik hutangnya sebanyak \$20,000," katanya kepada **Berita Harian**.

Menurutnya, mengikut aduan pelancong Jepun itu, keluarga angkat itu hen-

Oleh **ADAM MOHAMAD**

dak berniaga dan berjanji akan melunaskan pinjamannya apabila urusan mengenalnya selesai.

Bagaimanapun, katanya, keluarga angkat itu tidak menjelaskan hutangnya dan pemuda itu enggan pulang ke Jepun. Pemuda itu kini masih tinggal di Asrama Pusat Putera Singapura.

Kehilangan wang

"TDC sudah pun meminta pemuda berkenaan membuat aduan polis bagi menyelesaikan masalah itu tetapi beliau enggan kerana masih sayangkan keluarga angkatnya," katanya.

Puan Sharifah Loon berkata, TDC tidak dapat membantunya kerana masalah itu adalah bersifat peribadi.

"Kecuali aduan polis dibuat, tindakan tegas dapat diambil terhadap keluarga angkat itu," katanya.

Aduan lain ialah kes kehilangan

wang dan beg pakaian bernilai \$15,000 oleh sepasang pelancong luar negara ketika menginap di sebuah hotel di sini, Oktober tahun lalu.

Ini menyebabkan pasangan itu tidak berwang untuk pulang ke negara mereka, katanya.

Selain itu, TDC juga menerima dua aduan daripada pelancong tempatan mengenai sebuah agensi pengangkutan pelancongan yang mengadakan perjalanan ke Haadyai-Songkhla, Thailand kerana memberikan layanan buruk.

"Pemandu bas pelancong itu dikatakan enggan melalui jalan lain ketika berlakunya banjir dalam perjalanan pulang dari Haadyai menyebabkan semua penumpangnya terpaksa bermalam di sebuah kuil," katanya.

Puan Sharifah berkata, pihaknya juga menerima aduan daripada pelawat tempatan di mana keretanya yang disimpan di tempat meletak kereta sebelum ke Pulau Tioman, digunakan tanpa pengetahuannya.